

15/09/2003

Kedah ke arah pusat kecemerlangan ilmu Asean

Faiza Zainudin

ALOR STAR: Kedah bakal menjadi pusat kecemerlangan ilmu bukan saja di negara ini malahan di rantau Asean apabila pelbagai projek pembangunan pendidikan yang kini sedang giat dijalankan akan beroperasi tidak lama lagi secara berperingkat-peringkat.

Antara pusat pengajian tinggi yang menawarkan pelbagai kursus profesional dan latihan kemahiran berasaskan teknologi industri yang sedang giat dibina termasuk universiti perubatan di Semeling; Universiti Teknikal Mara di Kulim, Kolej Pertanian di Bukit Tangga dan Kolej Integrasi, dekat sini.

Exco Pendidikan dan Pembangunan Usahawan negeri, Prof Datuk Dr Othman Ishak, berkata selain membina banyak pusat pengajian tinggi yang baru bagi menampung permintaan negara, terdapat juga institusi pengajian sedia ada yang sudah memulakan pengajian pada peringkat tempatan dan antarabangsa.

Beliau berkata, hasrat menjadikan negeri ini sebagai pusat kecemerlangan ilmu tidak mustahil dapat dicapai kerana mendapat sokongan penuh daripada kerajaan menerusi pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ini terbukti, katanya, dalam tempoh tidak sampai empat tahun, kerajaan negeri berjaya menerima peruntukan berbilion ringgit bagi menubuhkan 18 kolej tambahan dan lima pusat pengajian tinggi yang menawarkan pelbagai kursus di peringkat sijil hingga doktor falsafah (PhD).

"Peruntukan terbesar berbanding negeri lain menerusi Rancangan Malaysia ketujuh itu juga turut memberi perhatian kepada aspek membina dan menaik taraf 285 sekolah rendah dan menengah selain 1,100 unit rumah guru di seluruh daerah.

"Berdasarkan kemudahan moden dan lengkap yang disediakan, tidak mustahil negeri ini akan menjadi pusat kecemerlangan ilmu dan menjadi pilihan pelajar dari dalam dan luar negara untuk menimba ilmu sehingga ke peringkat paling tinggi," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Graduasi 2003 Institut Kemahiran Mara (IKM) Alor Star kali ke empat di sini, semalam.

Seramai 180 pelajar IKM Sesi Disember 2002/Jun 2003 yang mengikuti empat kursus utama selama 18 bulan menerima sijil masing-masing daripada Othman.

Anugerah pelatih terbaik keseluruhan dimenangi oleh pelajar kursus teknologi reka bentuk dan pengeluaran perabot, Ali Osman Ahmad dan pelajar kursus teknologi kejuruteraan awam (bangunan), Ahmad Razali Shah Ridzuan.

Sehingga kini, IKM Alor Star melatih lebih 4,000 pelajar dalam bidang teknologi seni bina, teknologi kejuruteraan awam lukisan struktur, kejuruteraan awam bangunan dan kursus teknologi pembuatan dan pengeluaran perabot.

Sementara itu, Othman mengingatkan pelajar yang menerima sijil berkenaan supaya melanjutkan pelajaran sehingga ke tahap yang paling tinggi kerana banyak kemudahan yang ditawarkan kerajaan kepada mereka.